



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa bagi Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan masih SAH untuk melaksanakan kerja seperti yang berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	GREED & KOD BIDANG	LAWATAN TAPAK	TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
SBH.BPPH 8/2026	KERJA-KERJA MENYELENGGARA UNIT RUMAH PPR SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	GREED G2 KATEGORI B PENGKHUSUSAN B24	TIADA LAWATAN TAPAK NAMUN, BOLEH DILAKSANAKAN OLEH PEMILIK LESEN (1 ORANG SAHAJA) BAGI MENGETAHUI LOKASI KERJA DENGAN MENGAMALKAN LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN YANG TELAH DITETAPKAN	MULAI 6 APRIL 2026 (ISNIN) HINGGA 13 APRIL 2026 (ISNIN) DI: KAUNTER BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH), ARAS 2, BLOK A, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS (PADA WAKTU PEJABAT SEBELUM JAM 4.00 PETANG)	14 APRIL 2026 (SELASA) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI	RM50.00 SECARA TANPA TUNAI (E-BAYAR) (TIDAKAKAN DIKEMBALIKAN) (ebayar.perlis.gov.my)

2. Satu (1) penyebutharga hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga dan menggunakan satu (1) tawaransahaja.
3. Selain daripada itu, Kontraktor juga perlu membawa dokumen asal (bagi tujuan pengesahan) dan menyerahkan dokumen salinan kepada Pentadbiran ini sebelum dokumen sebut harga diberikan. Dokumen-dokumen tersebut adalah:
- RESIT BAYARAN SEBUTHARGA
 - KAD PENGENALAN;
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB);
 - SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT/ PERNIAGAAN (SSM);
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK); DAN
 - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK).
4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertulis No. Sebutharga di sebelah kiri sampul dan ditengahnya ditulis tajuk sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut harga di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (BPPH) Aras 2, Blok A Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, tidak lewat dari jam 12.00 TENGAHARI PADA 14 APRIL 2026 (SELASA). Sebut harga yang dihantar melebihi jam 12.00 TENGAHARI akan DITOLAK.
5. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pentadbiran ini juga berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebut harga ini, boleh berhubung dengan Pegawai yang terlibat di talian 04-9731874.

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (BPPH),
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS
b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

TARIKH : 2 APRIL 2026

